

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 27, 2019 9:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Rai 116 Staf Bertugas Sempena Aidilfitri



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 MEI 2019 / 22 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM RAI 116 STAF BERTUGAS SEMPENA AIDILFITRI



UUM ONLINE: Sumbangan staf UUM yang bertugas sempena Hari Raya Aidilfitri amat bermakna dan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

"Tuan-tuan dan puan-puan bekerja untuk menjaga kesejahteraan UUM malah urusan universiti tetap berjalan seperti biasa seperti penggunaan internet, rusa, kuda dan unggas perlu diberi makan selain menerima pelanggan di EDC Hotels & Resorts dan para jemaah juga akan ke masjid UUM untuk menunaikan solat Aidilfitri.

“Yang paling penting ialah aspek keselamatan pelajar dan staf yang berada di kampus dan perumahan jadi kehadiran anda mewujudkan rasa selesa dan selamat kerana ada tempat untuk meminta pertolongan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka.”

Demikian ucapan Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani ketika meraikan staf pada Majlis Penyampaian Bingkisan Raya Untuk Petugas yang berlangsung di Foyer Canselori, UUM, semalam.

Tambahnya, sumbangan ini amat bermakna bagi sesebuah organisasi yang berfungsi 24 jam seperti UUM dan anggaplah segala usaha yang dilakukan sebagai satu jihad dalam menyebarkan *rahmatan lil `alamin* (rahmat kepada seluruh alam) kerana berbakti dengan ikhlas merupakan amalan mulia.

Oleh itu, amalan kerja yang cekap, efisien dan amanah perlu disematkan sebagai asas jati diri dalam menggalas dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberikan.

Beliau yakin rakan-rakan juga amat menghargai pengorbanan staf yang sanggup bertugas dan memberi peluang kepada staf lain untuk bercuti pada hari raya yang disambut meriah setelah sebulan berpuasa.

“Inilah bukti bahawa kita bekerja dalam satu pasukan bagi memenuhi aspirasi menginginkan yang terbaik untuk semua, melebihi untuk diri sendiri dan memberi perkhidmatan melangkaui kebiasaan.

“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang akan bertugas pada masa rakan-rakan lain bergembira menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan ahli keluarga masing-masing.

“Sebagai penghargaan, pihak universiti menyediakan sumbangan bingkisan, juga sebagai tanda pihak universiti cakna akan perasaan tuan-tuan dan puan-puan yang menyambut Aidilfitri di tempat kerja,” luahnya.

Beliau menyampaikan bingkisan kepada 116 staf UUM yang bertugas semasa Aidilfitri melibatkan 64 staf Jabatan Keselamatan, 30 staf EDC-UUM, 18 staf Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), 3 staf dari Pusat Islam dan seorang dari Pusat Komputer.

“Selamat meneruskan ibadah puasa dan ibadah sunat yang lain sepanjang Bulan Ramadhan Al-Mubarak dan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin,” ucapnya.

Dalam pada itu beliau mengingatkan agar staf yang akan bercuti mengambil langkah keselamatan seperti menutup suis bekalan elektrik dan paip air di samping memastikan pejabat berkunci.

Menurut Pengawal Keselamatan Kanan, Fatimah Said sudah biasa dengan keadaan ini dan banyak kali bertugas di musim raya sepanjang 35 tahun berkhidmat di UUM.

Terkenang semasa mula bekerja di UUM suatu ketika dahulu Fatimah mengakui terasa berat hati untuk meninggalkan keluarga terutamanya menjelang 1 Syawal.

“Kerja di pagi raya semestinya sayu menebak kalbu, ketika bekerja teringat anak-anak di rumah tetapi demi tugas dan amanah yang terpikul di bahu segalanya berjalan lancar.

“Sambutan Syawal ketika bertugas dilakukan dalam suasana sederhana, kami bawa bekal bahu, rendang, ketupat, kuih-muih dan makan ramai-ramai bersama kawan-kawan.

“Malah masjid UUM selalu mengadakan jamuan raya, ramai yang datang untuk sembahyang raya serta menjamu selera termasuk staf, perantau dan pelajar antarabangsa yang tidak pulang berhari raya,” luahnya.

Tambahnya, menjelang hari raya ramai yang pulang ke kampung halaman masing-masing dan pada ketika itu kampus menjadi lengang dan rondaan diadakan di sekitar kampus bagi menjamin keselamatan.

Beliau turut mengingatkan staf yang akan bercuti agar mengambil langkah keselamatan seperti menutup pintu dan tingkap, menutup suis bekalan elektrik dan paip air di samping memastikan pejabat berkunci.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.